

## DUPLIKASI PARADIGMA DALAM SOSIOLOGI

**Farrah Wahida Mustafar**

Jabatan Mata Pelajaran Umum, Pusat Asasi dan Pengajian Umum,  
Universiti Melaka

*Corresponding Author's Email: farrahwahida@unimel.edu.my*

### **Article history:**

*Received* : 26 October 2022  
*Accepted* : 22 December 2022  
*Published* : 31 December 2022

### **ABSTRAK**

Seiring perkembangan waktu dan kemajuan ilmu menghasilkan tiga komponen utama dari bidang falsafah iaitu ontologi (teori hakikat atau kewujudan), epistemologi (teori ilmu) dan aksiologi (teori nilai). Disiplin epistemologi merupakan salah satu cabang utama yang membahaskan tentang teori ilmu. Epistemologi telah melahirkan beberapa aliran antaranya rasionalisme, empirisme, positivisme, realisme dan idealisme. Pelopor idea paradigma, Thomas Samuel Kuhn merupakan salah seorang beraliran rasionalis yang menganggap akal mampu mengenali pelbagai hakikat secara yakin. Idea Kuhn di dalam karyanya yang bertajuk '*The Structure of Scientific Revolution*' (1962) terhasil daripada kritiknya terhadap pandangan positivisme yang dipengaruhi oleh falsafah beraliran empirisme. Selain itu, Kuhn juga menyangkal pandangan falsifikasi Popper yang cenderung kepada kebenaran ilmu melalui pengujian hipotesis. Fokus utama artikel ini ialah membincangkan tentang definisi paradigma yang telah diperkenalkan oleh Thomas Samuel Kuhn. Objektif artikel ini dihasilkan bagi meneliti konsep paradigma dan untuk meneroka konsep paradigma yang telah dikembangkan dalam bidang sosiologi. Kajian ini menggunakan kaedah penelitian deskriptif kualitatif berdasarkan kajian kepustakaan (*library research*) bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian mendapati bahawa paradigma di dalam sosiologi telah diduplikasikan dalam kaedah pemerolehan ilmu atau metodologi dan paradigma teori.

**Kata kunci:** Thomas S. Kuhn, Paradigma, Sosiologi

## **DUPLICATION OF THE PARADIGM IN SOCIOLOGY**

### **ABSTRACT**

*The development and the improvement of knowledge was produced three main components from the field of philosophy namely, ontology (theory of reality or existence), epistemology (theory of knowledge) and axiology (theory of value). The discipline of epistemology is one of the main parts that debates about the theory of knowledge. Epistemology was produced several trends including rationalism, empiricism, positivism, realism and idealism. The pioneer of the paradigm is Thomas Samuel Kuhn which is one of the rationalists who believe that intellect can recognize many facts toughly. Kuhn's ideas in his work titled '*The Structure of Scientific Revolution*' (1962) resulted from his criticism of the positivist view that was influenced by empiricist philosophy. In addition, Kuhn also refuted Popper's falsification view that tends to the truth of knowledge by the submission of hypotheses. The main focus of this article is to discuss the paradigm definition by Thomas Samuel Kuhn. This article objective is to examine the concept of paradigm and to explore the concept of paradigm that has been developed in the discipline of sociology. This study uses a qualitative descriptive research method based on library research to obtain information and explanations related*

to focus of study. The study found that the paradigm in sociology has been duplicated in the method of knowledge or methodology and theoretical paradigm.

**Keywords:** Thomas S. Kuhn, Paradigm, Sociology

## PENGENALAN

Falsafah adalah satu bidang ilmu yang mengemukakan masalah dan menunjukkan jalan penyelesaian untuk faedah individu, masyarakat, negara dan tamadun (Ahmad Sunawari, 2021). Falsafah ialah proses yang berterusan dalam menilai cara manusia berfikir dan membuka kemungkinan untuk berfikir dengan cara yang berbeza (Johnston, 2021). Falsafah mengemukakan empat permasalahan utama iaitu permasalahan hakikat atau kewujudan (metafizik, ontologi dan kosmologi), ilmu (epistemologi, logik, falsafah sains dan falsafah bahasa), masalah nilai (aksiologi, estetika dan falsafah agama) dan masalah kemasyarakatan (falsafah ekonomi, sosial dan politik) (Ahmad Sunawari, 2021).

Falsafah juga merupakan suatu ilmu yang mencari hakikat dan prinsip-prinsip yang dimulai dengan perasaan ingin tahu. Ilmu boleh difahami sebagai kebenaran iaitu maklumat dan pandangan mestilah bersifat hakiki yang sama sekali tidak ada sebarang keraguan. Falsafah ilmu pula suatu kajian secara mendalam tentang dasar-dasar ilmu. Epistemologi merupakan salah satu daripada objek penelitian dalam falsafah ilmu. Epistemologi secara etimologi bermaksud teori pengetahuan yang benar (*theory of knowledge*). Manakala secara istilah, epistemologi bermaksud pengetahuan sistematik mengenai pengetahuan. Epistemologi mempunyai dua indikator perbahasan utama iaitu sumber ilmu dan kebenaran ilmu.

Epistemologi boleh membantu seseorang memahami cara dan arah manusia berfikir dari bidang falsafah sehingga ke ilmu sosial (Noor Hisham, 2021). Epistemologi juga sentiasa mendorong manusia untuk selalu berfikir dan menciptakan sesuatu yang baharu. Asas epistemologi ialah bagaimana cara dan dari mana sesuatu ilmu itu diperolehi. Dalam usaha menghasilkan keabsahan setiap sumber ilmu dan aplikasinya kepada konsep kebenaran telah melahirkan pelbagai aliran pemikiran antaranya rasionalisme iaitu sumber kebenaran terdapat pada rasio (akal). Dalam aliran falsafah, Kuhn tergolong dalam kelompok ahli falsafah sains rasionalis (Iftahul dan Arif, 2020).

Salah satu karya Thomas Samuel Kuhn iaitu '*The Structure of Scientific Revolution*' (1962) tentang sejarah dan falsafah ilmu pengetahuan dengan konsep dan teori paradigma serta revolusi ilmu pengetahuan (Fia Alifah dan Wahyu, 2020). Tujuan Kuhn mengemukakan idea ini adalah untuk menentang anggapan umum yang berlaku mengenai cara terjadinya perubahan ilmu (Ritzer, 2014). Bagi Kuhn, kebenaran sains terjadi kerana adanya peralihan paradigma (*paradigm shift*) atau disebut dengan revolusi (Nurkhalis, 2012). Kebenaran dianggap sebagai suatu yang relatif iaitu apa yang dikatakan benar pada hari ini kemungkinan akan menjadi palsu keesokan hari sekiranya paradigma tersebut digantikan dengan yang baharu (Reevany, Eleesya dan Norman, 2006).

Berbeza dengan pandangan Popper (1919) dalam usaha mencari suatu kebenaran iaitu dengan kaedah falsifikasi (Maydi, 2021; Komarudin, 2014). Falsifikasi dilihat sebagai elemen penting dalam pengembangan ilmu pengetahuan kerana melalui prinsip ini membolehkan seseorang mengkritik dan bersifat terbuka untuk melakukan sebarang uji kaji teori (melalui hipotesis saintifik) kerana ia berbentuk penyangkalan (*refutation*). Popper (1919) banyak menulis dalam bidang masyarakat dan politik sebenarnya adunan ideologi pembelaan mengenai masyarakat dengan berpendapat jika sains maju menerusi pembuktian salah dan tekaan, maka kebebasan bercakap dan sikap terbuka adalah ramuan yang perlu ada dalam perkembangan ke hadapan ilmu pengetahuan (Maydi, 2021; Ninian, 2015). Menurut Mohd Syahmir (2017) mengatakan ketidakmutlakan teori atau kebolehpemalsuan konjektur sains dan kajian ilmiah serta keterbukaan metodologi Popper menjadikan ia sentiasa bersifat relatif. Dalam hal ini Kuhn tidak menerima pandangan pemikiran radikal aliran relativisme yang dipelopori oleh George Wilhelm Freidrich Nietzsche (1844-1900). Nietzsche merupakan salah seorang ahli falsafah Barat abad ke-19 yang terkenal dengan ideologi 'Tuhan sudah mati' dan 'Superman' (Ninian, 2015) berpegang kepada prinsip kebebasan dalam berfikir (Misnal, 2011). Nietzsche berpendapat semua sains atau ilmu pengetahuan merupakan tafsiran atau interpretasi subjektif. Relativisme merupakan falsafah yang merujuk kepada etika, budaya dan pandangan dunia

(*worldview*) yang menyaranakan bahawa setiap pandangan berkaitan tiga perkara ini adalah relatif tertakluk kepada konteks sesuatu masyarakat dan budaya yang tertentu. Dengan kata lain, prinsip relativisme meyakini kebenaran itu tidak pasti dan menolak kepada sebuah kebenaran mutlak.

Walau bagaimanapun, ideologi ini bertentangan dengan pandangan golongan beraliran positivisme yang berpegang kepada prinsip verifikasi melalui kaedah induktif iaitu dengan melakukan proses pengamatan (*observation*) sebagai prinsip pembentukan ilmu pengetahuan. Idea positivisme telah diketengahkan oleh Auguste Comte (1798-1857) yang merupakan ahli falsafah Perancis. Positivisme bagi Comte, ilmu pengetahuan adalah didasarkan kepada pancaindera, maka metafizik yang tidak boleh dijelaskan oleh pengalaman tidak boleh diterima. Umumnya, pembangunan kajian yang baharu pada zaman pertumbuhan saintifik dan masyarakat berindustri ialah sosiologi (Ninian, 2015; Ritzer, 2014). Pada ketika itu, antara ahli sosiologi selain Comte yang menginginkan sosiologi terus membangun seperti berjaya ilmu biologi dan sains fizik ialah Emile Durkheim (1858-1917), Herbert Spencer (1820-1903), George Herbert Mead (1863-1931) dan Alfred Schutz (1899-1959).

Oleh yang demikian, sehingga kini sosiologi berkait rapat dan saling berhubungan dengan sains kerana banyak model sains yang diaplikasi dan duplikasi oleh ahli sosiologi termasuklah konsep paradigma yang dikemukakan oleh Thomas Samuel Kuhn. Kuhn merupakan seorang ahli sains fizik yang memperkenalkan konsep paradigma disebabkan beberapa perkara yang berkaitan dengan cetusan ilmu atau sains yang berlaku pada zamannya. Namun begitu, terdapat beberapa pengikut dan pengkaji yang cuba mengaplikasikan idea Kuhn ke atas bidang sains sosial termasuklah dalam bidang sosiologi. Walau bagaimanapun, paradigma Kuhn dianggap tidak terpakai untuk kajian sains sosial (Heeren, 1971). Namun begitu, betapa besar dan pentingnya pengaruh Kuhn terhadap bidang sosiologi, maka ahli sosiologi turut dikaitkan dengan duplikasi paradigma Kuhn ialah Robert Winslow Friedrichs telah menerbitkan karya pertama sosiologi yang berdasarkan perspektif Kuhn bertajuk '*A Sociology of Sociology*' (1972).

Justeru itu, fokus utama artikel ini ialah membincangkan tentang definisi paradigma yang telah diperkenalkan oleh Thomas Samuel Kuhn. Kuhn merupakan salah seorang ahli pemikir falsafah pada abad ke-20 yang dikenali di Barat dan karyanya yang popular iaitu '*The Structure of Scientific Revolution*' telah diterjemahkan ke dalam 16 bahasa ke seluruh dunia. Walaupun kajian berkaitan konsep paradigma Kuhn ini telah di bahas dalam pelbagai disiplin, kajian ini juga cuba meneroka konsep paradigma yang digunapakai oleh pengkaji-pengkaji menerusi kajian-kajian lepas. Justeru itu, objektif artikel ini dihasilkan bagi meneliti konsep paradigma dan untuk meneroka konsep paradigma yang telah dikembangkan dalam bidang sosiologi.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah penelitian deskriptif kualitatif berdasarkan kajian kepustakaan (*library research*) bagi mendapatkan maklumat dan penjelasan berkaitan dengan tajuk kajian. Kaedah ini juga mampu untuk mendapatkan fakta dengan memberikan interpretasi yang mendalam dan tepat. Pengumpulan data dilakukan secara mengumpul bahan dokumentasi seperti buku dan artikel dari kajian-kajian lepas.

### **Thomas Samuel Kuhn Pelopor Idea Paradigma**

Thomas S. Kuhn merupakan seorang graduan fizik dari Universiti Harvard dan kemudiannya melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah pada tahun 1949 yang berfokus kepada aplikasi mekanik kuantum. Kuhn lahir pada 18 Julai 1922 dan telah meninggal dunia pada 17 Jun 1996 di Cambridge, Amerika Syarikat kerana akibat penyakit barah yang dihidapinya (Edi, 2021). Bapa Kuhn iaitu Samuel L. Kuhn graduan Harvard dan bekerja sebagai jurutera berasal dari Cincinnati, Ohio yang juga merupakan tempat kelahiran Kuhn (M. Dwi, 2022). Manakala ibunya bernama Minette Stroock berasal dari New York. Kuhn pernah bertugas sebagai pengajar di Universiti Harvard, Universiti Princeton dan Massachusetts Institute Technology (MIT). Antara karya Kuhn yang terkenal antaranya

'*The Structure of Scientific Revolution*' (1962), '*The Essential Tension: Selected Studies in Scientific Tradition and Change*' (1977).

### ***The Structure of Scientific Revolutions (1962)***

Suatu revolusi pemikiran dihasilkan oleh buku Kuhn yang bertajuk '*The Structure of Scientific Revolutions*'. Karya ini dianggap sebagai salah satu buku yang penting dalam sejarah sains abad ke-20 (Thomas dan Sanusi, 2019). Menurut Ninian (2015) mengatakan Kuhn berhujah bahawa teori dan fakta mempunyai hubungan yang lebih kabur daripada andaian yang sebelumnya. Karya ini adalah karangan dalam bidang sejarah dan falsafah ilmu pengetahuan dengan konsep dan teori tentang paradigma dan revolusi ilmu (M. Dwi, 2022; Fia Alifah dan Wahyu, 2020). Perkembangan ilmu pengetahuan tidak terjadi secara akumulatif dan evolutif, namun perkembangan ilmu pengetahuan sebenarnya terjadi secara revolusi (Suci, 2020). Kebenaran sains tumbuh menurut revolusi ilmiah dan alamiah iaitu ilmu pengetahuan yang lahir dari kerangka paradigma dinilai sebagai ilmu yang normal dan ahli-ahli yang berpegang kepada paradigma yang sama turut mempunyai pandangan yang sama (Mohd Khairul Naim, 2018). Setelah itu, ia menjadi normal selepas melalui fasa perkembangan yang panjang sehinggalah mencapai tahap matang yang diterima orang.

Karya ini juga merupakan suatu bentuk pandangan kritikan Kuhn terhadap pandangan positivisme dan falsifikasi Popper (Edi, 2021). Positivisme menganggap perkembangan ilmu pengetahuan bersifat kumulatif iaitu suatu proses pengumpulan pengetahuan (Mohd Syahmir, 2017). Positivisme merupakan akar kepada empirisme iaitu menganggap bahawa ilmu adalah pengetahuan yang sah (*valid*) dan fakta-fakta sejarah yang dapat menjadi objek pengetahuan (Irham, 2016). Oleh itu, positivisme menolak keberadaan segala kepenggunaan kaedah atau subjek yang tiada fakta yang jelas. Melalui positivisme, setiap teori perlu melalui prinsip verifikasi yang berbeza dengan teori falsifikasi Popper (Maydi, 2021). Walau bagaimanapun, Kuhn berpendapat sains dan ilmu pengetahuan boleh dibahaskan dengan menggunakan pelbagai perspektif atau multidisiplin untuk mendapatkan hasil yang terbaik dengan mengemukakan satu kaedah yang baharu iaitu paradigma (Nur Akhda, 2019).

Manakala Karl Raymond Popper (1902-1994) merupakan ahli falsafah terkemuka abad ke-20 terkenal dengan karyanya yang bertajuk '*Logik der Forschung*' (*The Logic of Scientific Discovery*) (1935) dalam bahasa Jerman. Popper cenderung kepada kaedah falsifikasi iaitu suatu teori itu boleh digunakan selagi belum adanya kesalahan, walau bagaimanapun setelah teori itu menemui kesalahan maka teori baharu akan digunakan dan meninggalkan teori yang lama melalui proses pengurangan atau penghapusan kesalahan (Noor Hisham, 2021). Dalam hal ini, Popper telah menolak prinsip verifikasi yang telah dikemukakan oleh aliran positivisme dalam setiap kajian yang dijalankan. Dengan kata lain, Popper berpendapat bahawa setiap teori ilmiah adalah bersifat hipotesis dan kaedah empiris tidak dapat meneguhkan sesuatu teori sebagaimana yang dijalankan melalui metod induktif.

Kuhn pula berpendapat ilmu semakin maju adalah kerana terjadinya revolusi yang disebut sebagai '*paradigm shift*' bagi menunjukkan situasi dalam sejarah ilmu adanya teori yang ditinggalkan untuk menyokong kelahiran teori lain sebagai hasil dari krisis yang sebelum ini tidak dapat diselesaikan melalui perspektif teori lama. Terdapat lima konsep utama fasa sejarah kelahiran ilmu pengetahuan yang baharu adalah dimulai dengan '*normal science*' (sains normal atau sains biasa), kemudian terjadi '*anomaly*' (keganjilan) dan '*crisis*' yang akhirnya muncul revolusi ilmiah atau saintifik iaitu kelahiran ilmu pengetahuan yang baharu (Abercrombie, Hill dan Turner, 2006; Reevany, Eleesya dan Norman, 2006). Teori Kuhn boleh digambarkan berdasarkan diagram berikut (Ritzer, 2014):

Paradigma I → Ilmu Normal → Anomali → Krisis → Revolusi → Paradigma II

### **Rajah 1: Paradigma Kuhn**

## Pandangan tentang Paradigma

Terdapat pelbagai perspektif pengkaji mendefinisikan konsep paradigma (Erlina, 2015; Azwar, 2014). Paradigma dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) bermaksud lingkungan atau batasan pemikiran (seseorang atau sesuatu organisasi) pada sesuatu masa yang dipengaruhi oleh pengalaman, pengetahuan, kemahiran, dan kesedaran yang ada. Kata paradigma berasal daripada perkataan serapan bahasa Latin ke bahasa Inggeris pada tahun 1483 iaitu paradigma bermaksud suatu model atau pola (Muhammad Noupal & Erina Pane, 2017). Dalam Kamus Cambridge pula, paradigma bermaksud sesuatu model atau prototaip yang dapat menjelaskan tentang sesuatu. Manakala secara etimologi, paradigma bererti model teori ilmu pengetahuan atau kerangka berfikir. Paradigma mengikut terminologi bermaksud pandangan dasar para ilmuan tentang apa yang menjadi perkara asas persoalan yang mesti dipelajari oleh suatu cabang ilmu pengetahuan.

Paradigma sebagai suatu cara pandang (*worldview*), nilai-nilai, kaedah-kaedah, prinsip dasar dalam memecahkan suatu masalah yang dipegang teguh oleh suatu komuniti ilmiah pada suatu tertentu (M. Dwi, 2022). Kuhn yang merupakan pelopor paradigma ini juga telah menggunakan konsep ini sekurang-kurangnya dalam 21 cara yang berlainan iaitu masing-masing bidang mempunyai paradigmanya yang tersendiri (Ritzer, 2014). Justeru itu, ia boleh difahami sebagai sudut pandang untuk memahami suatu fenomena secara lebih menyeluruh. Ringkasnya, paradigma merupakan kumpulan tata nilai yang membentuk pola berfikir seseorang sebagai titik tolak pandangannya. Akhirnya, ia membentuk citra subjektif seseorang mengenai realiti dan akhirnya akan menentukan bagaimana seseorang itu bertindak balas kepada realiti tersebut.

## Paradigma dalam Sosiologi


Fungsi paradigma ini mampu menjadi lensa kepada pengkaji dalam usaha mengamati dan memahami masalah ilmiah dalam bidang masing-masing yang kemudiannya didapati jawapan-jawapan ilmiah terhadap permasalahan tersebut (Nur Akhda, 2019). Terdapat pelbagai penggunaan terma atau pengaplikasian konsep paradigma khususnya dalam kajian sains sosial antaranya ialah bidang sosiologi (Suci, 2020; Ritzer, 2014; Joshua, 2014), antropologi (Nur Akhda, 2019; Budi, 2012), politik (Azwar, 2014; Muhtar, 2012), agama (Mohd Khairul Naim, 2022; 2018), undang-undang dan hukum (Haryono, 2018) dan pendidikan (Afiq Fikri, 2018). Joshua (2014) menegaskan terdapat banyak kritikan terhadap konsep paradigma Kuhn kerana dianggap tiada perkaitan konsep ini dengan bidang sains sosial melainkan dalam bidang sains semulajadi khususnya sains fizik. Hal ini kerana dalam sains sosial tidak berlaku anjakan paradigma (*paradigm shift*) sepertimana idea Kuhn (Thomas dan Suleiman, 2019). Perkara yang berlaku adalah kemajuan atau perkembangan paradigma hasil daripada realiti semasa.

Dalam kajian sains sosial perlu ada keterbukaan dalam kepelbagaian fenomena sosial. Namun begitu, terdapat banyak pengkaji yang berminat mengaplikasikan konsep paradigma Kuhn dalam menjalankan penelitian antaranya ialah bidang sosiologi yang dicetuskan oleh Friedrichs setelah munculnya idea Kuhn. Walau bagaimanapun, Kuhn mengatakan sosiologi belum mencapai status ilmu kerana belum mencapai status normal sepertimana dalam diagram 1. Kuhn mengatakan bahawa sosiologi hanya berada pada tingkat pra-paradigma kerana sosiologi belum mencapai tahap paradigma. Ahli sosiologi pula telah membahagikan paradigma kepada dua iaitu paradigma penyelidikan (metodologi) dan paradigma teori (Abdul Malik dan Aris, 2016). Antara tipologi paradigma sosiologi yang popular dikembangkan oleh Ritzer serta Burrell dan Morgan (Abdul Malik dan Aris, 2016; Suci, 2020).


Paradigma teori mengatakan bahawa paradigma meliputi dua teori atau lebih dan gambaran yang berbeza mengenai masalah pokok, metod (termasuk instrumen), dan eksemplar (bahagian ilmiah yang dibangunkan dalam bentuk model untuk diikuti oleh orang lain) (Ritzer, 2014). Ini adalah kerana Ritzer berpendapat setiap teori-teori hanyalah sebahagian daripada paradigma yang konteksnya lebih besar. Terdapat tiga paradigma yang mendominasi sosiologi iaitu paradigma fakta sosial, definisi sosial dan perilaku sosial.

Paradigma penyelidikan pula indikator utama revolusi ilmiah terletak pada metodologi (Edi, 2021). Kerangka berfikir yang digunakan oleh pengkaji dalam lensa realiti suatu permasalahan dan juga teori atau ilmu pengetahuan. Selain daripada paradigma teori, paradigma di dalam sosiologi telah diduplikasikan dalam kaedah pemerolehan ilmu atau metodologi iaitu paradigma metodologi yang diperkenalkan oleh Burrell dan Morgan (1979) (1) paradigma interpretif; (2) paradigma fungsionalis; (3) paradigma radikal strukturalis; dan (4) paradigma radikal humanis.

Paradigma sosiologi baik secara teori mahupun penyelidikan, persamaannya adalah pendekatan subjektif dan objektif manakala perbezaannya pula mengikut aliran ahli sosiologi iaitu berdasarkan kepada teori yang diperkenalkan atau dikembangkan.



**Rajah 2:** Paradigma dalam Sosiologi



**Rajah 3 :** Persamaan dan Perbezaan Paradigma Sosiologi

## KESIMPULAN

Ringkasnya, istilah paradigma boleh difahami sebagai pola atau model. Pembahasan paradigma di dalam konteks sains dan falsafah, namun telah dikembangkan dalam bidang sosiologi berdasarkan skema Kuhn. Dalam disiplin sosiologi, paradigma memainkan peranan yang sangat besar terutama dalam aspek perluasan dan pengembangan makna paradigma yang telah dipopularkan oleh Kuhn. Ahli sosiologi berpendapat bahawa paradigma bukan sahaja diduplikasi atau diaplikasi dalam aspek revolusi sosiologi, bahkan ia digunakan sebagai lensa atau cara pandang (*worldview*) terhadap suatu fenomena dan realiti sosial. Walaupun istilah terma paradigma masih lagi sama dan tiada perbezaan, namun duplikasi konsep tersebut tetap diberi makna dan skema tersendiri oleh ahli sosiologi. Sebagaimana yang diperkenalkan oleh Burrell dan Morgan yang mengatakan bahawa paradigma dalam sosiologi dilihat dalam konteks falsafah sebagai pemerolehan ilmu atau metodologi. Paradigma dalam sosiologi terbahagi kepada dua iaitu paradigma penyelidikan (metodologi) dan paradigma teori.

## RUJUKAN

- Abdul Malik & Aris Dwi Nugroho. (2016). Menuju paradigma penelitian sosiologi yang integratif. *Sosiologi Reflektif*, 10(2), 65-84.
- Afiq Fikri Almas. (2018). Sumbangan paradigma Thomas S. Kuhn dalam ilmu dan pendidikan (penerapan metode *problem based learning* dan *discovery learning*). *At-Tarbawi*, 3(1), 89-106.
- Ahmad Sunawari Long. (2021). *Sejarah Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azwar Asrudin. (2014). Thomas Kuhn dan teori hubungan internasional: realisme sebagai paradigma. *Indonesian Journal of International Studies (IJIS)*, 1(2), 107-122.
- Budi Suryadi. (2012). *Pengantar Antropologi*. Yogyakarta: P3AI UNLAM.
- Cambridge Dictionary. Diperoleh dari, <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/paradigm>, dicapai pada 16 Oktober 2022.
- Derek Johnston. (2021). *Sejarah Ringkas Falsafah: Socrates hingga Derrida*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Edi Kurniawan Farid. (2021). Paradigma dan revolusi ilmiah Thomas S. Kuhn serta relevansinya dalam ilmu-ilmu keislaman. *Jurnal Studi Agama-Agama dan Pemikiran Islam*, 19(1), 81-100.
- Erlina Diamastuti. (2015). Paradigma ilmu pengetahuan sebuah telaah kritis. *Jurnal Akuntansi Universitas Jember*, 10(1), 61-74.
- Fia Alifah Putri & Wahyu. (2020). Paradigma Thomas Kuhn: Revolusi ilmu pengetahuan dan pendidikan. *Nizhamiyah*, 10(2), 94-106.
- Justine Thomas & Sanusi Mohammed Suleiman. (2019). Thomas Kuhn's paradigm shift and social sciences: a theoretical analysis. *International Journal of Comparative Studies in International Relations and Development*, 5(1), 84-95.
- Iftahul Digarizki & Arif Al Anang. (2020). Epistemologi Thomas S. Kuhn: kajian teori pergeseran paradigma dan revolusi ilmiah. *Jurnal Humanitas*, 7(1), 23-34.
- Irham Nugroho. (2016). Positivisme Auguste Comte: analisa epistemologis dan nilai etisnya terhadap sains. *CAKRAWALA*, 11(2), 167-177.
- Garba Mbase Joshua. (2014). An overview of Thomas Kuhn's views on paradigm shift, and its application to sociology. *International Journal of Technical Research and Applications*, 2(Special Issue 7), 83-86.
- George Ritzer. (2014). *Teori Sosiologi Modern*. Jakarta: KENCANA.
- Gibson Burrell & Gareth Morgan. (2005). *Sociological Paradigms and Organisational Analysis: Elements of the Sociology of Corporate Life*. England: Ashgate.
- Graham C. Kinloch. (2005). *Perkembangan dan Paradigma Utama Teori Sosiologi*. Bandung: Pustaka Setia.
- Justine Thomas & Sanusi Mohammed Suleiman. (2019). Thomas Kuhn's paradigm shift and social science: a theoretical analysis. *International Journal of Comparative Studies in International Relations and Development*, 5(1), 84-95.
- John W. Heeren. (1971). Review of Robert W. Firetrichs 'A Sociology of Sociology'. *Journal of the History of the Behavioral Sciences*, 7(2), 202-203.
- Kamus Dewan.
- Komarudin. (2014). Falsifikasi Karl Popper dan kemungkinan penerapannya dalam keilmuan Islam. *Jurnal at-Taqaddum*, 6(2), 444-465.
- M. Dwi Rahman Sahbana. (2022). Epistemologi paradigma dan transformasi ilmu pengetahuan Thomas Kuhn. *Kanz Philosophia*, 8(1), 31-48.
- N. Maydi Aula Riski. (2021). Teori falsifikasi Karl Raimund Popper: urgensi pemikirannya dalam dunia akademik. *Jurnal Filsafat Indonesia*, 4(3), 261-272.
- O. Misnal Munir. (2011). Pengaruh filsafat Nietzsche terhadap perkembangan filsafat Barat kontemporer. *Jurnal Filsafat*, 21(2), 134-146.
- P. Mohd Khairul Naim. (2022). *Gagasan Etika Global Hans Kung menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Pendidikan Futuwah.

- Mohd Khairul Naim Che Nordin. (2018). Analisis Teori Paradigma (*Paradigm Theory*) Hans Kung dalam kajian agama. *Afkar*, 20(1), 143-178.
- Mohd Syahmir Alias. (2017). Pandangan sains Islam terhadap kritikan sains bebas nilai. Dalam Norfazila Ab Hamid et al., *Multidisiplin Ilmu Penyelidikan*. Gadong, Brunei: UNISSA Press.
- Muhammad Noupal & Erina Pane. (2017). Paradigma integralistik dan toleransi umat beragama di Kota Palembang. *Intizar*, 23(1), 73-92.
- Muhtar Haboddin. (2012). Paradigma politik klasik dalam ilmu politik. *Jurnal Ilmu Politik dan Pemerintahan*, 1(1), 1-12.
- Muslim. (2016). Varian-varian paradigma, pendekatan, metode, dan jenis penelitian dalam ilmu komunikasi. *Wahana*, 1(10), 77-85.
- National Academy of Sciences. (2013). A Biographical Memoirs. Diperoleh dari, <http://www.nasonline.org/publications/biographical-memoirs/memoir-pdfs/kuhn-thomas.pdf>, dicapai pada 11 Oktober 2022.
- Nicholas Abercrombie, Stephen Hill & Bryan S. Turner. (2006). *The Penguin Dictionary of Sociology*. London: Penguin Books.
- Ninian Smart. (2015). *Falsafah Dunia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Noor Hisham Md Nawī. (2021). *Falsafah Ilmu Perspektif Bersepadu*. Bachok: Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Akhda Sabila. (2019). Paradigma dan revolusi ilmiah Thomas S. Khun (aspek sosiologis, antropologis dan historis dari ilmu pengetahuan). *Zawiyah Jurnal Pemikiran Islam*, 5(1), 80-97.
- Nurkhalis. (2012). Konstruksi teori paradigma Thomas S. Kuhn. *Jurnal Ilmiah*, 11(2), 79-99.
- Nurkhalis. (2012). Konsep epistemologi paradigma Thomas Kuhn. *Jurnal Substantia*, 14(2), 210-223.
- Oki Rahadianto Sutopo. (2012). Relevansi integrasi paradigma melalui level analisis terhadap penggunaan mixed methods (studi kasus Mcdonaldization of Society karya George Ritzer). *Jurnal Universitas Paramadina*, 9(1), 318-328.
- Reevany Bustami, Eleesya Nasruddin & Norman Blaikie. (2006). *Lima Falsafah Penyelidikan: Paradigma dan Strategi Penyelidikan untuk Sains Sosial dan Pengurusan*. Pulau Pinang: Knowledge Craftsmen.
- Rosfazila Abd Rahman & Abdul Razif Zaini. (2017). Aplikasi meta-teori sosiologi: penelitian deskriptif kualitatif mengenal landasan pemikiran dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi. National Pre-University Seminar, RHR Hotel UNITEN, 1-10.
- Siti Rodhiyah Dwi Istinah. (). Paradigma ilmu dan agama dalam upaya mencari kebenaran (hakiki) dalam penciptaan alam semesta. Prosiding Seminar Nasional, 174-196.
- Suci Fajarni. (2020). Integrasi tipologi paradigma sosiologi George Ritzer dan Margaret M. Poloma. *Jurnal Sosiologi Agama Indonesia*, 1(2), 132-147.
- Yeremias Jena. (2012). Thomas Kuhn tentang perkembangan sains dan kritik Larry Laudan. *Melintas*, 20(2), 161-181.